

Penyelidikan bidang angkasa majukan negara

UM-5 (10/2006)

Oleh FAUZI JAAFAR
dan HAMDEN RAMLI

Untuk bersaing kita perlu menguasai pelbagai cabang sains dan teknologi yang ada termasuk teknologi angkasa

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

BANTING 4 Okt. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, kerajaan komited untuk meningkatkan keupayaan penyelidikan sains dan inovasi dalam bidang angkasa kerana yakin tanpa membina kapasiti dalam bidang yang penting itu, Malaysia tidak mampu menjadi negara maju.

Perdana Menteri berkata, peningkatan kapasiti dan penguasaan ilmu pengetahuan amat penting, khususnya dalam bidang ilmu yang strategik seperti ilmu sains dan teknologi angkasa.

"Untuk bersaing dengan negara-negara maju, saya percaya kita perlu menguasai pelbagai cabang sains dan teknologi yang ada termasuk teknologi angkasa," katanya ketika berucap merasmikan Pusat Angkasa Negara di Sungai Lang, di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis dan Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Datuk Dr. Mazlan Othman.

Pusat Angkasa Negara itu, yang terletak di kawasan seluas 162 hektar, akan dilengkapi dengan beberapa makmal canggih bagi membantu kerja reka bentuk, pembinaan kalibrasi, integrasi dan ujian sistem satelit, teknologi pelancaran, sistem ken-

dalian dan kawalan dan muatan satelit.

Kemudahan di pusat itu juga berupaya untuk memantau, menerima maklumat dan berhubung dengan angkasawan negara di Stesen Angkasa Antarabangsa kelak.

Pusat itu dibangunkan secara berperingkat-peringkat dan proses pembinaan bermula pada tahun 2004.

Pembangunan fasa pertama melibatkan Kawalan Misi, yang digunakan untuk pengendalian satelit cerapan bumi RazakSAT, yang siap pada Mei tahun lepas.

RazakSAT yang mengambil nama sempena Perdana Menteri kedua Tun Abdul Razak Hussein, adalah satelit pencerapan bumi kedua negara selepas mikrosatelit TiungSAT-1 yang dilancarkan dari Kosmodrom Baiknonur, Kazakhstan pada 26 September 2000.

Abdullah berkata, penubuhan Pusat Angkasa Negara itu adalah satu usaha penting lagi strategik yang dibangunkan bagi memanfaatkan teknologi angkasa untuk pembangunan negara.

Tambah Perdana Menteri, Pusat Angkasa Negara merupakan satu lagi langkah tambahan yang diambil untuk melonjakkan negara ke arah masa depan yang lebih maju dan berjaya berteraskan ilmu penge-

tahan dan teknologi tinggi.

"Malaysia sejak awal 1970-an lagi mendapat banyak manfaat daripada pelbagai teknologi angkasa termasuk teknologi komunikasi satelit yang membolehkan perhubungan dengan dunia luar dan mendapat berita dari seluruh dunia.

"Satelit komunikasi juga kini digunakan sepenuhnya dalam bidang komunikasi keselamatan dan pertahanan," katanya.

Tujuan

Malaysia katanya, telah mengguna pakai selama beberapa dekad lalu gambar-gambar dari satelit untuk pelbagai tujuan seperti meramal dan meninjau perkembangan cuaca, memantau pembangunan tanah, membantu penerokaan hasil laut dan paling mutakhir mengesan dan memantau bencana alam seperti kebakaran hutan.

Contoh-contoh itu katanya, menunjukkan betapa perlunya negara menguasai teknologi angkasa bagi mengendali dan memperkukuhkan aset komunikasi negara.

Abdullah berkata, dalam pembangunan sektor ekonomi, kekuatan sains dan teknologi merupakan asas yang kritikal bagi

menjana kemajuan dan kejayaan.

"Saya percaya sektor angkasa berupaya menjadi sektor ekonomi yang penting. Bagi memacu lagi sektor ini, pembangunan sains dan teknologi angkasa amatlah penting.

"Penguasaan bidang sains angkasa akan membolehkan negara menjana teknologi dan pulangan ekonomi yang mapan dan berkualiti," kata beliau.

Katanya, umat Islam terdahulu dapat membina tamadun berasaskan penguasaan ilmu sains angkasa termasuk melalui ilmu astronomi.

Mengenai Pameran Ilmuwan Sains Islam yang akan diadakan awal tahun depan, beliau yakin ia mampu mengingatkan rakyat dan umat Islam keseluruhannya bagaimana mereka berupaya menguasai bidang sains dan teknologi pada masa dahulu.

Dalam pada itu, katanya, kerajaan juga telah menyiapkan Observatori Negara di Langkawi, iaitu satu lagi infrastruktur penting bagi penyelidikan sains angkasa.

Observatori Negara yang dilengkapi dengan teleskop robotik pertama di Malaysia itu membolehkan pemerhatian angkasa dilakukan melalui Internet secara maya oleh sesiapa sahaja.

"Saya percaya kita mempunyai 'sesuatu' yang boleh ditawarkan kepada negara-negara membangun demi mengeratkan lagi kerjasama dan muafakat masyarakat serantau dan antarabangsa melalui perkongsian ekonomi dan teknologi seperti dalam bidang ICT dan sains angkasa," jelas beliau.